

Bantuan kerajaan rangsang ekonomi

UM 18/12

PEKAN 17 Dis. - Pelbagai bentuk bantuan yang diberikan secara berterusan kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bukan sahaja untuk menjaga kebajikan mereka tetapi bagi merangsang ekonomi setempat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, hanya mereka yang tidak mahu melihat atau sengaja hendak menghasut rakyat menafikan bantuan menyeluruh diberikan oleh kerajaan itu.

"Bantuan diberikan bukan kerana kita mahu rakyat terus bergantung kepada kerajaan, (sebaliknya) kita mahu rakyat berdikari dan bekerja keras tetapi keperluan asas amat diperlukan rakyat."

"Maka bagi saya sebagai ketua kerajaan, menjaga kebajikan rakyat hendaklah diutamakan," katanya ketika berucap pada majlis ramah mesra bersama masyarakat anjuran Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang disertai lebih 1,000 penduduk di Kampung Nenasi Pantai, di sini hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa melawat Kompleks Perikanan LKIM Nenasi dan meninjau kesan hakisan di Pantai Nenasi di sini serta mendengar taklimat berhubung langkah mengatasi masalah itu.